

# Bapa tinggal tiga anak kecil

Metro 30/12/12 MS 7.

Beri alasan beli rokok biar anak berusia 9 bulan, dua dan lima tahun

>>Oleh KASDI ALI dan NURUL  
HUSNA MAHMUD  
metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Tunggu sini sekejap, abah nak pergi beli rokok." Itulah alasan diberikan seorang bapa kepada tiga anaknya yang baru berusia sembilan bulan, dua tahun dan lima tahun sebelum menghilangkan diri.

Tindakan tidak berhati perut itu dilakukan tidak sampai dua bulan selepas tiga beradik berkenaan kematian ibu mereka akibat barah, dua tahun lalu.

Lebih tragis, mereka 'di-buang' pada waktu malam di tepi jalan berhampiran kaki lima sebuah masjid tanpa dokumen dan wang belanja.

Kejadian yang berlaku terhadap Mira, Mila dan Amin (bukan nama sebenar) adalah contoh semakin ramai lelaki layak dilabel 'bapa binatang' kerana tergamak meninggalkan darah daging bagaikan 'membuang' kucing di tepi jalan.



**DOA AYAH  
BAHAGIA...** Amin  
dan Mila menonton  
televisyen.

**"Sejak ayah  
tinggalkan kami,  
dia langsung tak**

## Buang macam anak kucing

**K**UALA LUMPUR: Tindakan tidak berperike-manusiaan seorang bapa yang tergamak memperlakukan tiga anaknya seperti anak kucing apabila membuang mereka di tepi jalan dipercayai berpunca daripada kurang didikan agama dan pengaruh dadah.

Kes itu bukan terpercailah, malah dikatakan semakin menjadi-jadi sejak kebela-kangan ini seperti diakui Pertubuhan Kebajikan Rumah Silaturrahim Nurul Qana'ah.

Naib Pengerusi merangkap penyeliannya, Zainab Ahmad, 59, berkata, air matanya sudah kering mengenangkan nasib kebanyakan anak yatim dan miskin yang tinggal bersamanya.

Ibu kepada tiga anak ini mengakui, selain dihantar waris atau diambil pihaknya untuk jagaan sehingga berusia 18 tahun, ada juga kes anak kecil yang terpaksa tinggal di rumah kebajikan kerana dibuang atau disisihkan keluarga.

"Setiap kanak-kanak yang berada di rumah kebajikan mempunyai kisah masing-masing, tetapi apa menyedihkan ialah semuanya cerita sedih. Biarpun lali dengan perkara ini, naluri keibuan sering menyebabkan saya menangis se-



**"Berdasarkan kes  
anak terbuang,  
punca kebanyakan  
daripada mereka  
diperlakukan  
sedemikian ialah  
disebabkan ibu,  
bapa atau penjaga  
mereka kurang  
didikan agama dan  
menagih dadah"**

> Zainab Ahmad  
Penyelia

kan untuk kanak-kanak kurang bernasib baik kerana mereka secara tidak lang-

**S**AYA tak nak ikut kalau ayah datang nak ambil kami. Dia kejam! Kalau benar dia sayang saya dan adik, takkan dia tergamak buang kami di tepi jalan. Lagipun, dia tak pernah cari kami.

“Sejak ayah tinggalkan kami, dia langsung tak datang jenguk kami. Saya anggap dia dah mati!” kata Mira, 7, anak sulung daripada tiga beradik yang ditinggalkan ayah kandung mereka, dua tahun lalu.

Dalam kejadian itu, tiga beradik berkenaan yang baru kematian ibu akibat penyakit barah ditinggalkan sehelai spinggang di kaki lima berhampiran sebuah masjid di Batu Caves, Selangor tanpa dokumen pengenalan dan wang belanja.

Lebih menyedihkan, ayah kandung Mira yang kini berusia tujuh tahun, Amin, 4, dan Mila, 2, sanggup menipu anak kononnya mahu membeli rokok sebelum menghilangkan diri hingga kini. Ini menyebabkan tiga ber-



**dia langsung tak datang jenguk kami. Saya anggap dia dah mati!”**

>Mira

adik itu setia menanti kepulangan si ayah dan tidak berganjak dari tempat mereka ditinggalkan sehingga tertidur akibat kelaparan, manakala adik bongsu pula menangis kerana mahu menyusui.

Nasib mereka baik apabila ditemui seorang ahli kariah di tempat tinggal mereka. Beliau membawa mereka ke masjid di Batu Caves, Selangor. Setelah beberapa hari di masjid, mereka di bawa ke rumah kebajikan di Batu Caves. Mereka tinggal di rumah kebajikan itu selama beberapa hari sebelum di bawa ke rumah kebajikan di Batu Caves.

Anggota kariah itu kemudian membawa tiga beradik terbabit ke rumah anak yatim kendalian sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Taman Greenwood, 10 kilometer dari tempat mereka ditinggalkan, untuk tindakan selanjutnya.

Selepas beberapa bulan usaha pihak pengurusan rumah kebajikan itu mengesan ayah dan waris tiga beradik berkenaan menemui jalan buntu, penyelia rumah anak yatim itu nekad menjadikan mereka sebagai anak angkatnya.

Bagaimanapun, ayah kanak-kanak itu dipercayai mengetahui anaknya menetap di rumah kebajikan berkenaan berikutan kemunculan satu surat misteri yang ditinggalkan di depan rumah kebajikan itu, setahun lalu.

Kemunculan sampul mengandungi surat beranak tiga beradik terbabit membantu pihak pengurusan rumah kebajikan itu mengenal pasti identiti kanak-kanak

malang itu.

Menyifatkan keadaan itu sebagai surat hidup mereka, Mira berkata, walaupun dibuang ayah kandung, dia tidak berdendam, sebaliknya mendoakan kebaikan terhadapnya.

“Saya doakan ayah bahagia. Jangan risau kami. Saya akan jaga adik sampai mereka besar. Lagipun, kami dah tak tunggu dia lagi.

“Namun, saya masih ingat (kejadian) ayah tinggalkan kami. Saya (masih) ingat adik menangis beberapa hari selepas ayah tinggal kami,” kata Mira ketika ditemui wartawan Metro Ahad.

>Lagi berita muka 8

babkan saya menangis setiap kali mengenangkannya.

“Berdasarkan kes anak terbuang, punca kebanyakannya daripada mereka diperlakukan sedemikian ialah disebabkan ibu, bapa atau penjaga mereka kurang didikan agama dan menagih dadah,” katanya.

Menurutnya, dalam kes tiga beradik malang itu, dia percaya bapa mereka bertindak demikian kerana tidak sanggup memikul tanggungjawabnya apabila isterinya yang juga ibu kanak-kanak terbabit meninggal dunia.

Justeru, bekas jururawat yang juga bidan bertauliah ini meluahkan rasa kesalnya terhadap kerenah birokrasi pihak tertentu dalam membantu NGO seperti yang tidak mempunyai sokongan sumber kewangan kukuh.

Katanya, pihak berwajib perlu membuka mata dan tidak mengambil kesempatan atas keikhlasan golongan seperti yang dalam menubuhkan rumah kebaji-

kerja secara tidak langsung turut membantu kerajaan dalam mengurangkan masalah kejatuhan moral di kalangan remaja khususnya.

“Selain anak yatim dan miskin, pertubuhan kami menjadi rumah perlindungan buat anak terbiar, termasuk mangsa penganiayaan fizikal dan mental oleh ahli keluarga,” katanya sebak.

Menurut Zainab, selain menjadi tempat berteduh dan menumpang kasih kanak-kanak bernasib malang ini, pertubuhannya menekankan aspek pendidikan, termasuk menghantar ke kelas tambahan demi memastikan mereka mendapat bekalan ilmu dunia terbaik untuk masa depan.

Orang ramai yang mahu melihat perjalanan hidup penghuni rumah kebajikannya atau memberi sumbangan boleh datang ke No 34A/34B, Jalan 10, Taman Batu Off Taman Greenwood, Batu Caves, Selangor.

# 'Nenek tinggal kami di hospital'



**MALANG...** (dari kiri) Aiman, Ayib dan Muhamad ditinggalkan nenek.

Metro 30/12/12 MSB



**SUHAIMI...** tiada maklumat ibu



**KASIHAN...** Syafiq dan Qistina satu bapa lain ibu.

## Ibu saudara tak sanggup

### Kisah 3

**S**AYA tak sanggup biarkan Syafiq (Rizal Azman Mohd Jerry, 6) jaga adiknya, (Nur Qistina, 2) sendirian ketika saya keluar bekerja," kata Nur Natisha Mohd Jefri, 18, ibu saudara kepada dua beradik yang hidup terbiar selepas ditinggalkan bapa kandung.

**Bapa mereka tak pernah peduli soal makan minum anak, apatah lagi menjaga mereka. Mereka sebapa tapi berlainan ibu yang masing-masing enggan mengambil tahu anak mereka**

nya," katanya. Natisha berkata, pada mulanya dia meninggalkan

### Kisah 2

**K**AMI tak pernah kenal ayah, ibu," kata Muhammad Aiman Abdullah, 7, kini menetap di Kompleks Damai, Sungai Buloh, bersama dua adiknya, Muhammad Abdullah, 4, dan Muhammad Ayip Abdullah, 3. Aiman hanya mengenali

neneknya yang meninggalkan mereka di hospital di Klang, dua tahun lalu.

"Aiman hanya ingat kami tiga beradik ikut nenek pergi hospital. Nenek tak beritahu sakit apa.

"Nenek minta saya dan adik tunggu di ruang pelawat hinggalah kami tertidur. Selepas itu nenek tidak muncul hinggalah seorang mak cik

jemput dan hantar kami ke sini," katanya.

Pengetua kompleks itu, Suhaimi Dzajuli berkata, ketika dihantar pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dua tahun lalu, hanya abang sulung memiliki surat beranak manakala dua lagi tiada dokumen pengenalan diri.

"Saya dimaklumkan, mereka ditemui di sebuah hos-

pital di Klang dalam keadaan tidak terurus dan dokumen sah hanya surat beranak abang yang sulung.

"Maklumat ibu juga tidak lengkap kerana hanya ada nama dan tertera umur ibu berusia 16 tahun ketika melahirkannya. Namun hendak ditanya siapa ibu bapa, mereka masih kecil dan tak mengerti apa-apa," katanya.

# Budak bawah 10 tahun sering jadi mangsa

**KUALA LUMPUR:** Kanak-kanak dalam kumpulan umur di bawah 10 tahun dikenal pasti golongan kritikal sering menjadi mangsa pengabaian dan penderaan.

Pengarah Bahagian Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Arfan Sulaiman berkata, ini kerana mereka sasaran mudah dan tidak tahu mengadu mahupun melawan individu dewasa.

Menurutnya, punca timbulnya kes pengabaian mahupun kanak-kanak ditinggalkan oleh keluarga adalah pelbagai, tetapi sebab utama ialah ketidakstabilan institusi kekeluargaan.

"Sebenarnya, ibu bapa kanak-kanak itu tidak bersedia menguruskan rumah tangga, sama ada daripada aspek ekonomi mahupun masalah berkaitan emosi.

"Ibu bapa yang tidak mampu menguruskan keluarga



**ARFAN... aspek ekonomi**

akhirnya gagal memainkan peranan baik selaku penjaga serta pelindung kepada anak mereka," katanya ketika dihubungi Metro Ahad.

Arfan berkata, kebanyakan kes diterima dilaporkan orang awam yang menemui kanak-kanak.

"Selepas itu kes akan di-



**FADHLINA... berperanan**

teliti dan siasatan dilakukan bagi mengesan waris. Jika tiada waris tampil, baru kita mohon perintah sementara sebagai pelindung dan menempatkan mereka di institusi JKJ supaya nasib kanak-kanak ini terbela," katanya.

Kegagalan institusi keluar-

## Statistik kes kanak-kanak terabai mengikut tahun

▶ 2010	257
▶ 2011	242
▶ 2012	131 (sehingga Ogos 2012)

ga menjadi punca kewujudan kes pengabaian turut disokong Naib Presiden Hal Ehwal Wanita Angkatan Belia Islam Malaysia, Fadhlina Siddiq.

Katanya, bukan saja ibu bapa harus menjadi sasaran utama apabila membabitkan isu pengabaian anak kecil, tetapi keluarga kedua-dua pihak perlu memainkan peranan mereka.

"Undang-undang keluarga syariah sudah cukup adil meletakkan soal nafkah di bahu bapa dan penjagaan pula sebelah ibu. Apabila kedua-duanya gagal, tanggungjawab itu perlu dimainkan oleh keluarga kedua-dua pihak," katanya.

Keadaan semakin rumit apabila nenek kepada dua kanak-kanak itu, Rohani Ali, meninggal dunia tiga bulan lalu akibat asma.

Menurutnya, sebelum ini dua beradik itu dijaga nenek mereka sejak kecil berikutan diabai bapa yang terbabit dengan dadah.

"Bapa mereka tak pernah peduli soal makan minum anak, apatah lagi menjaga mereka. Mereka sebapa tapi berlainan ibu yang masing-masing enggan mengambil tahu anak mereka.

"Ibu Syafiq yang sudah berkeluarga tak pernah bertanya mengenai anaknya, seolah-olah dia benci dengan anak sendiri, manakala ibu Qistina adalah penagih dadah dan pernah meninggalkan anaknya sendirian pada rakan lelaki.

"Disebabkan rakan lelaki berkenaan kenal ibu saya, dia serahkan Qistina apabila melihat dia menangis selepas ditinggalkan ibu-

dua beradik itu dalam jagaan bapa mereka yang juga abang kandungnya yang tinggal bersama kerana terpaksa bekerja bagi menampung kehidupan keluarga.

Bagaimanapun, pada satu hari abangnya meninggalkan dua beradik itu tanpa pengawasan, menyebabkan dia mengambil keputusan berhenti kerja.

"Pernah sekali mereka ditinggalkan abang tanpa makanan atau dimandikan, menyebabkan kedua-duanya lapar dan menangis.

"Simpati saya menggunung melihat keadaan dua beradik ditinggalkan bapa mereka tanpa memikirkan risiko keselamatan," katanya.

Bagaimanapun, disebabkan kekangan sumber kewangan membesarkan kanak-kanak berkenaan, dia terpaksa menyerahkan mereka kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.